



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS PERHIMPUNAN UMMAH
SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1444H/2022M
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

**PADA 8 OKTOBER 2022 (SABTU) JAM 6:50 PETANG
DI MASJID ABDULLAH FAHIM, KEPALA BATAS**

Bismillahirrahmanirrahim

YB Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, dan

YBhg Datin Mohaini binti Mohd Saffar,

YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Hussain

Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri

Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, dan

YBhg Datin Wan Zuraida binti Amiruddin,

Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

YBhg Dato' Mohd Zakuan bin Haji Zakaria

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pembangunan), dan

YBhg Datin Saimah binti Saleh,

YBhg Dato' Ahmad Rizal bin Mohd Hanapiah

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pengurusan), dan

YBhg Datin Noriza binti Yusoff,

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri dan Datin Seri-Datin Seri,

YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat kurniaan-Nya, dan dengan izin-Nya jua, saya dapat bersama-sama dalam Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1444H/2022M, pada malam yang mulia ini.

2. Ucapan selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda, yang telah mengorbankan jiwa dan raga, dalam menyampaikan risalah Islam, sehingga dapat dikecapi oleh kita semua pada hari ini.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah,

3. Saban tahun umat Islam menyambut Maulidur Rasul bagi memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW yang dikasihi pada 12 Rabiul Awwal. Begitu juga dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tetap tidak lupa untuk menganjurkan Majlis Perhimpunan Ummah bagi menyambut Maulidur Rasul Peringkat Negeri.

4. Program ini bukan sekadar program rasmi agama atau amalan rutin yang diadakan pada setiap tahun semata-mata. Program ini sebenarnya ingin mengajak semua umat Islam khususnya di Negeri ini untuk mengingati dan menghayati sirah dan sunnah Rasulullah SAW dengan penuh rasa kecintaan, keinsafan dan kesedaran.

5. Dalam situasi masa kini, yang penuh dengan pelbagai cabaran dan ujian, adalah amat penting untuk umat Islam mendapatkan bekalan pedoman dan panduan supaya kehidupan kita menjadi lebih bermakna.

6. Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran, surah al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud: ***“Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik”***.

7. Ayat ini jelas menunjukkan perintah Allah SWT agar umat Islam meneladani dan mencontohi Rasulullah SAW dalam segala aspek kehidupan. Ketinggian akhlak baginda telah diketahui dan diakui oleh masyarakat Arab Jahiliyyah. Kerana itulah baginda digelar Al-Amin. Sifat terpuji yang ada pada diri Rasulullah SAW jugalah yang memikat hati Saidatina Khadijah.

8. Melihat kepada kemuliaan akhlak Baginda juga, maka golongan Aus dan Khazraj menawarkan Yathrib sebagai tempat tinggal yang baharu. Lantas berlakulah peristiwa hijrah yang menjadi titik permulaan kepada pembinaan sebuah negara Islam. Sebagaimana kita sedia maklum, Yathrib akhirnya ditukar nama menjadi “Madinah al Munawwarah” yang bermaksud bandar yang bercahaya.

9. Kehidupan Rasulullah SAW itu sendiri juga adalah manifestasi kepada keseluruhan kandungan al-Quran yang mencakupi setiap ruang lingkup kehidupan manusia baik dari aspek ibadah, sosial, ekonomi dan politik.

Saidatina Aisyah Radiallahu Anha, sebaik sahaja ditanya mengenai akhlak Rasulullah SAW, maka lantas menjawab bahawa akhlaknya adalah Al-Quran.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah,

10. Kini kita berada di era globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Segala maklumat adalah di hujung jari. Umat Islam menghadapi pelbagai cabaran serta kegawatan jiwa dan pemikiran, sama ada yang disebabkan oleh gangguan luar atau pun ciptaan sendiri. Situasi kesihatan, ekonomi, sosial dan politik tidak menentu. Fitnah berleluasa. Cabaran dan musibah silih berganti. Apatah lagi setelah terkesan akibat pandemik Covid-19. Masalah mental juga kian bertambah, akibat tekanan hidup.

11. Dalam masa yang sama, penghayatan kehidupan beragama semakin ditinggalkan. Kita dapat melihat betapa ramai di kalangan umat Islam yang semakin tersasar daripada landasan yang lurus. Ramai yang semakin hanyut dan tenggelam dengan kehidupan dunia yang mempesonakan. Jika kita lihat media massa dan media sosial pada hari ini, statistik kes-kes amang seksual, sumbang mahram, pedofilia, perceraian dan keganasan rumah tangga kian meningkat, hari demi hari.

12. Dalam hal ini, sebagaimana sering disarankan, bapa merupakan insan yang mempunyai tanggungjawab besar di dalam sesebuah keluarga. Peranan seorang bapa sangat penting dalam menjadikan setiap insan dalam rumah tangga merasai bahagia. Baginda sendiri telah bersabda yang bermaksud “***Sebaik-baik kamu adalah kamu yang terbaik kepada keluarganya. Dan aku adalah yang terbaik kepada keluargaku***”.

13. Jika sekiranya setiap bapa di Malaysia menyahut seruan Baginda ini dalam menjadikan diri yang terbaik terhadap ahli keluarga, maka dengan izin Allah SWT, masyarakat Malaysia akan berada dalam keadaan sejahtera dan harmoni.

14. Oleh itu, marilah kita sama-sama memberikan perhatian serius dan menghayati panduan-panduan penting daripada sirah perjuangan dan kehidupan Rasulullah SAW. Pepatah Melayu ada menyebut, “*jika sesat di hujung jalan, baliklah ke pangkal jalan*”. Kita masih belum terlambat untuk menambahbaik diri, keluarga, masyarakat dan negara.

15. Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran, surah al-Maidah, ayat 105 yang bermaksud: ***“Wahai orang-orang yang beriman! Jagalah sahaja diri kamu (dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayah pertunjuk (taat mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan larangan-Nya). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kemudian dia akan menerangkan kepada kamu (balasan) apa yang telah kamu lakukan”***.

16. Imam Ibnu Kathir mentafsirkan ayat ini dengan menjelaskan bahawa Allah SWT menyuruh orang-orang beriman agar sentiasa memperbaiki diri mereka dengan terus melangsungkan kebaikan semampu mungkin. Ayat ini juga bermaksud jati diri orang beriman tidak akan boleh dipengaruhi oleh kerosakan golongan orang-orang yang rosak.

17. Oleh itu, marilah kita mengikut contoh Rasulullah SAW dan berusaha memiliki akhlak terpuji termasuk empat sifat Nabi SAW iaitu, siddiq (benar), amanah, tabligh (menyampaikan) dan fatanah (bijaksana) untuk berjaya dalam kehidupan, keluarga, masyarakat, negara dan dunia seluruhnya. Saidina Ali Radiallahu Anhu pernah berpesan ***“Akhlak yang baik adalah sebaik-baik teman dan semulia-mulia nasab”***.

18. Imam Ibnu Kathir telah menjelaskan, antara yang dapat diteladani daripada Baginda SAW ialah penggunaan bahasa komunikasi yang sangat berkesan. Ia mudah difahami, jujur, benar dan tiada yang sia-sia sehingga memberikan kesan besar dalam kejayaan perjuangan dakwah Baginda SAW.

19. Umat Islam adalah juga dituntut untuk mengatur langkah bagi penambaan kehidupan dengan lebih strategik, produktif dan komprehensif agar dapat kita menjadi umat contoh atau khaira ummah. Kita perlu bersikap penyayang dan belas kasihan terhadap saudara seagama, tetapi bersikap tegas dan berhemah dengan bukan Islam serta berusaha menarik minat mereka kepada Islam. Ingatlah bahawa kita adalah duta kepada agama Islam dan jangan sesekali merosakkan kemuliaan dan ketinggian agama Islam dengan akhlak yang buruk.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah SWT,

20. **“Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran”** merupakan tema yang telah dipilih sempena Sambutan Maulidur Rasul pada kali ini. Saya kira tiga (3) teras utama konsep **Keluarga Malaysia**, iaitu

Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran adalah cerminan kepada akhlak terpuji.

Oleh itu, Keluarga Malaysia yang terbina dengan acuan teladan Rasulullah SAW sudah pasti dapat menjadi pemangkin kepada kemakmuran Malaysia yang kita cintai.

21. Selaras dengan tema ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah memperkenalkan konsep “Baiti Jannati” atau “Rumahku Syurgaku”. Keluarga yang makmur sebenarnya lahir daripada rumah yang baik. Syabas saya ucapkan di atas penganjuran program kaunseling khidmat nasihat (*Baiti Jannati Care*), yang bertujuan membantu masyarakat setempat mendapatkan sokongan sosial dan emosi, terutamanya ketika berhadapan isu-isu kekeluargaan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup.

22. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung bagi menjayakan majlis ini. Semoga segala manfaat dapat menambah baik diri, masyarakat, negeri dan negara kita seluruhnya. Marilah kita bersama sama mengadaptasikan semangat Maulidur Rasul ke dalam diri agar menjadi bahtera pedoman merentas gelora di lautan kehidupan, insha-Allah. Moga-moga semangat sedemikian menjadi pencetus kepada kehidupan

yang lebih baik dan terbaik di dunia dan juga di akhirat.

23. Dengan ini dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perhimpunan Ummah Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1444H/2022M Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.